

20 APR 2003

Najib-PAS

SENGKETA UMNO, PAS REDA JIKA BEKERJASAMA - NAJIB

PARIT, 20 April (Bernama) -- Persengketaan Umno dan PAS akan reda jika kedua-dua parti sanggup bekerjasama dalam hal yang melibatkan prinsip negara seperti kepentingan umat Islam, negara dan isu-isu antarabangsa, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata dalam hal-hal itu Umno dan PAS patut mempunyai pendirian yang sama walaupun kedua-duanya adalah parti yang berbeza.

"Kenyataan Pemangku Presiden PAS (Datuk Seri Abdul Hadi Awang) tentang Perdana Menteri membuktikan PAS dalam hal-hal tertentu telah sedar bahawa kepimpinan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) telah menyelamatkan negara kita tanpa maruah kita dinodai dan dikompromi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebagai mengulas laporan akhbar hari ini bahawa Abdul Hadi dalam satu temuramah, menyatakan rasa kagum beliau dengan ketegasan Perdana Menteri mempertahankan dasar luar negara, malah beliau sanggup mempertahankan Perdana Menteri jika kuasa asing cuba mencampuri urusan dalaman negara.

Najib sebelum itu merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Parit di Sekolah Menengah Sultan Muzaffar Shah di Lambor Kanan, dekat sini.

Abdul Hadi dipetik sebagai berkata beliau kagum dengan keberanian Dr Mahathir menyuarakan penentangan terhadap tindakan Amerika Syarikat dan sanggup menolak bantuan kewangan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sebelum ini.

Najib berkata perjuangan Umno untuk menjaga maruah negara telah menarik perhatian pemimpin PAS dan begitu juga dalam soal pendirian kerajaan terhadap Iraq termasuk bantahan Malaysia terhadap peranan yang telah dilakukan Amerika.

"Ia merupakan pendirian yang berprinsip dan bermaruah dari PAS. Dalam hal ini kita ucapkan terima kasih kerana adanya penghargaan dari PAS. Ini adalah satu prinsip yang jelas bahawa pemimpin negara kita ditentukan oleh rakyat Malaysia sendiri.

"Prinsip itu kita tidak boleh kompromi. Kita adalah negara yang merdeka dan berdaulat dalam erti kata sebenar. Ada negara yang merdeka tetapi penentuan dalam negaranya oleh negara-negara asing. Ada negara cuma dari luar sahaja bebas tetapi hakikatnya tidak," katanya.

-- BERNAMA

KAY RON